

Pengaruh Pencarian Maklumat Kesihatan Melalui Internet Terhadap Perubahan Tingkah Laku Kesihatan

Siti Nur Izyandiyyana Ab Hadi*
Jusang Bolong
Md.Salleh Hassan
Nizam Osman

Universiti Putra Malaysia, MALAYSIA

*Corresponding email: izyandiyyana@usas.edu.my

Abstrak

Kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) telah banyak membantu masyarakat mendapatkan pelbagai jenis maklumat kesihatan melalui medium internet. Terdapat pelbagai jenis laman sesawang yang menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan kesihatan, seperti blog, laman sosial, jurnal perubatan dan sebagainya. Maklumat yang disediakan bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah berkenaan kesihatan, malah mungkin akan mengubah tingkah laku kesihatan. Kajian ini mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kadar pencarian maklumat kesihatan dan perubahan tingkah laku kesihatan dalam kalangan 400 orang responden yang terdiri daripada ibu bapa yang mencari maklumat kesihatan melalui internet. Hasil kajian mendapati, faktor maklumat menyumbangkan 2.2% varians terhadap pencarian maklumat kesihatan. Ini bermakna faktor maklumat merupakan peramal utama yang menyebabkan ibu bapa mencari maklumat kesihatan melalui Internet. Faktor maklumat, faktor matlamat, faktor konteks, faktor teknologi dan faktor komunikator juga mempengaruhi secara signifikan terhadap perubahan tingkah laku kesihatan dalam kalangan ibu bapa.

Kata Kunci: Kesihatan, Pencarian maklumat kesihatan; Tingkah laku kesihatan; Internet.

The Effects of Internet Health Information Seeking on Health Behavioural Changes

Abstract

The advancement of Information Technology and Communication (ICT) has helped many communities gaining access to a wide range of health information through the internet medium. There are various types of websites that provide health-related services, such as blogs, social sites and medical journals. The information provided not only solves the problem of health, but may even change the health behavior. This study identified factors that influence the rate of health information seeking and health behavior change among 400 respondents consisting of parents who seek health information through the internet. The findings show that information factor contributes 2.2% variance to health information seeking. This means information factor is the key predictor that causes parents to seek health information through the Internet. Information factors, goal factors, context factors, technology factors and communicator factors also significantly affect the health change among parents.

Keywords: *Health, Information Seeking, Information Sharing, Health Behaviour, Healthy Lifestyle, Health Protection and Prevention, Eating Habit.*

Pengenalan

Literasi maklumat adalah penting kepada masyarakat pada era maklumat masa kini kerana ianya dapat mewujudkan langkah penyelesaian kepada pelbagai isu kehidupan termasuklah berkenaan kesihatan. Seseorang yang berasa kurang sihat akan merujuk kepada pelbagai sumber untuk mengenal pasti masalah kesihatan yang dihadapinya, seperti membaca majalah, menonton televisyen atau mencari maklumat kesihatan melalui Internet. Kenyataan ini disokong oleh Fox & Rainie (2000) yang mendapati bahawa maklumat kesihatan merupakan salah satu topik harian yang sering diakses oleh pengguna Internet di Amerika Syarikat. Mereka menumpukan pencarian maklumat kesihatan dalam laman sesawang yang disediakan oleh organisasi kerajaan dan jurnal

perubatan dalam talian. Hasil pencarian maklumat tersebut kemudiannya digunakan oleh pesakit semasa sesi konsultasi bersama pakar kesihatan mereka. Hasilnya, pesakit lebih berupaya untuk berbincang mengenai penyakit mereka dengan lebih terperinci lagi (Napoli, 2001).


Dalam erti kata lain, tahap kesihatan seseorang individu turut bergantung kepada jumlah maklumat kesihatan yang diperolehi. Pesakit yang sentiasa didedahkan dengan maklumat kesihatan mempunyai tahap keberkesanannya diri dan pencegahan kesihatan yang tinggi serta cenderung berbincang dengan penyedia penjagaan kesihatan mereka. Kesannya, mereka lebih berdisiplin mengikuti pelan terapi dan sembah lebih cepat berbanding pesakit yang hanya bergantung kepada rawatan daripada penyedia kesihatan semata-mata (Rainie & Fox, 2000; Stewart, Abbey, Shnek, Irvine, & Grace, 2004).

Walau bagaimanapun, pendedahan seseorang terhadap sumber maklumat kesihatan dari media massa dan Internet sahaja tidak dapat menjamin perubahan sikap dan tingkah laku khalayak sasar. Hal ini demikian kerana setiap masalah kesihatan mempunyai ciri-ciri khusus yang perlu difahami sebelum individu tersebut mempertimbangkan untuk mengambil sesuatu tindakan. Hal ini disebabkan bukan semua khalayak sasar akan menerima dan memproses maklumat dengan cara dan jumlah yang sama. Selain media massa dan internet; faktor maklumat, matlamat, konteks, teknologi dan komunikator juga turut berupaya mempengaruhi perubahan tingkah laku kesihatan pencari maklumat. Justeru, kajian ini ingin melihat adakah faktor-faktor tersebut turut mempengaruhi perubahan tingkah laku kesihatan, terutama dalam kalangan ibu bapa.

Dalam konteks sesebuah keluarga, ibu bapa adalah sumber utama dalam menyampaikan dan berkongsi maklumat kesihatan kepada anak-anak. Ary, James dan Biglan (1999) mendapat, perbincangan dan perkongsian maklumat mengenai bahaya merokok bersama anak-anak akan dapat membantu menghindari anak-anak itu daripada merokok. Malah, ibu bapa juga merupakan role model yang menjadi contoh dan ikutan anak-anak yang seterusnya akan mempengaruhi tingkah laku dan sikap mereka.

Faktor-faktor Pencarian Maklumat Kesihatan melalui Internet

Beberapa kajian lepas telah mencadangkan beberapa model dan teori pencarian maklumat kesihatan. Kajian ini menggunakan Model Pencarian Maklumat Sosial melalui Komunikasi Berperantara Komputer (CMC) oleh Ramirez et al. (2002). Model ini menerangkan bagaimana komunikasi berlaku melalui perantaraan komputer khususnya dalam konteks pencarian maklumat sosial. Walaupun maklumat mampu diperoleh melalui kaedah lain seperti kaedah bersemuka secara tradisional (face-to-face), namun model ini mencadangkan bahawa pencarian maklumat juga boleh berlaku melalui perantara, terutama sekali internet. Menurut model ini, pencarian maklumat dipengaruhi oleh lima faktor utama, iaitu faktor teknologi, faktor maklumat, faktor komunikator, faktor konteks atau situasi dan faktor matlamat.



Rajah 1 : Adapatisi Model Pencarian Maklumat melalui Komunikasi Berperantara Komputer

Faktor teknologi adalah aspek-aspek proses pencarian maklumat yang dipengaruhi oleh teknologi maklumat. Sebagai contoh, sejauh manakah teknologi akan memudahkan pencarian maklumat dan memerlukan usaha yang minimum. Teknologi telah memudahkan pengguna sehingga mereka percaya bahawa medium tersebut mampu membantu mereka untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan. Dalam

konteks ini, medium Internet mempunyai pelbagai kelebihan yang membezakannya dengan beberapa medium tradisional seperti akhbar, televisyen dan poster. Sesungguhnya, proses pencarian maklumat berlaku dengan lebih mudah dan cepat terutama kepada pengguna Internet yang aktif (*active audience*).

Pengguna yang aktif akan menjadikan internet sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat. Hal ini didorong oleh kelebihan Internet dengan elemen-elemen interaktifnya yang menjadikan pengguna bukan sahaja menjadi penerima maklumat, tetapi pada masa yang sama turut menjadi sumber maklumat kesihatan yang berkongsi pelbagai maklumat mengenai kesihatan yang mereka tahu melalui internet. Dengan perkembangan pesat dalam bidang kesihatan, teknologi Internet telah banyak membantu pengguna memperoleh maklumat dengan mudah pada kos yang rendah; ianya membentuk komuniti atau kumpulan yang turut berkongsi maklumat kesihatan (Banerjee & Hsi-Shi Leong, 2006). Seterusnya, faktor maklumat yang menunjukkan ciri-ciri maklumat yang mempengaruhi proses pencarian itu berlaku. Antaranya, kuantiti dan kualiti yang berkaitan dengan maklumat yang dicari. Internet adalah ruang sosial untuk pelbagai jenis individu berkongsi, memperoleh maklumat dan menyebarkannya termasuklah maklumat sensasi bagi memenuhi agenda peribadi pihak-pihak tertentu. Maklumat kesihatan dalam Internet berupaya menjadi sangat berguna dan mampu meyakinkan pengguna untuk membuat keputusan kesihatan yang penting.

Kajian yang dijalankan oleh Muhammad et al. (2011) ke atas 400 orang pesakit kanser payudara di Malaysia telah menyenaraikan empat alasan utama penggunaan Internet sebagai sumber maklumat kesihatan. Pertama, untuk membolehkan pesakit mendapat maklumat lebih lanjut mengenai penyakit mereka. Kedua, mereka memerlukan maklumat-maklumat am yang lain berkaitan kesihatan. Ketiga, ianya digunakan untuk mencari alternatif lain untuk merawat penyakit mereka dan yang terakhirnya untuk mengurangkan rasa bimbang terhadap penyakit yang dihadapi. Hal ini membuktikan bahawa Internet bukan sahaja digunakan untuk mendapatkan maklumat kesihatan semata-mata, malah turut membantu para pesakit mendapatkan sokongan di kalangan komuniti maya.

Faktor komunikator merujuk kepada ciri-ciri yang sedia ada pada pencari maklumat seperti kemahiran, personaliti, serta latar belakang atau sejarah mereka. Ciri-ciri tersebut akan mempengaruhi pola pencarian maklumat melalui Internet.

Menurut Leung (2008), kekerapan penggunaan Internet adalah dipengaruhi oleh pengalaman. Jika seseorang individu mendapat pengalaman yang positif, maka ia akan mendorong kepada penggunaan yang seterusnya. Faktor demografi individu juga turut mempengaruhi tahap pencarian maklumat kesihatan. Hal ini disokong oleh kajian Manafo dan Wong (2012) yang mendapati orang dewasa adalah lebih aktif dalam pencarian maklumat. Tegasnya, umur individu akan mempengaruhi tingkahlaku pencarian maklumat kesihatan.

Selain itu, keyakinan seseorang individu menggunakan teknologi juga penting bagi memastikan medium tersebut berkesan dan relevan kepada penggunanya. Oleh kerana itu, kecekapan diri (*self-efficacy*) menjadi elemen penting dalam pencarian maklumat melalui Internet. Eastin dan LaRose (2000) menyatakan faktor kecekapan menggunakan Internet adalah berkait secara positif dengan kekerapan penggunaan Internet.

Faktor konteks atau situasi adalah faktor luaran yang mempengaruhi tingkahlaku pencarian maklumat. Dalam konteks ini, kelapangan masa yang ada untuk mencari maklumat dan kemudahan fizikal seperti komputer dan akses Internet akan mempengaruhi pencarian maklumat. Internet telah menjadi sumber maklumat yang penting kepada penggunanya yang menghadapi situasi penyakit yang kritikal atau mereka yang hilang upaya (Madden & Fox, 2006). Mereka yang menghidapi penyakit yang kronik lebih cenderung untuk mencari maklumat kesihatan melalui Internet kerana ia menyediakan pelbagai pilihan maklumat kepada mereka. Goldner (2006) telah mengenal pasti perbezaan kekerapan penggunaan Internet antara mereka yang sihat dan tidak sihat dan mendapati golongan yang tidak sihat dan kurang upaya lebih banyak meluangkan masa mencari maklumat kesihatan di Internet berbanding mereka yang sihat.

Ramirez et al. (2002) turut mencadangkan faktor matlamat yang menunjukkan bahawa pencarian maklumat bergantung kepada tujuan ianya dilakukan. Dalam faktor ini, pengguna mencari maklumat kesihatan dengan menggunakan pelbagai platform di Internet seperti media sosial, enjin pencarian atau emel mengikut kepada keperluan masing-masing. Menurut Tang dan Lee (2006), pengguna Internet mencari maklumat kesihatan dengan tujuan untuk memperolehi variasi perspektif sesuatu isu. Selain itu, jumlah maklumat yang mencukupi untuk membuat keputusan berkenaan kesihatan mereka juga penting. Oleh itu, pencari maklumat kesihatan sering menggunakan maklumat yang mereka perolehi daripada Internet sewaktu perbincangan bersama doktor dan para penyedia kesihatan berkaitan (Al-Shammary et al., 2007; Delic et al., 2006; Dolan et al., 2004; Morahan-Martin, 2004).

Faktor-faktor ini akan dikaji samada mempengaruhi aspek kadar pencarian maklumat kesihatan, iaitu kekerapan pencarian maklumat kesihatan, serta sumber-sumber yang digunakan untuk mendapatkan maklumat kesihatan, seterusnya samada kesemua faktor tersebut turut mempengaruhi perubahan tingkah laku kesihatan dalam kalangan pengguna internet.

Kaedah Kajian

Secara umumnya, kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang kaji selidik bagi menentukan perhubungan antara pemboleh ubah bebas (pencarian maklumat kesihatan) dan dua pemboleh ubah bersandar iaitu kadar pencarian maklumat kesihatan dan perubahan tingkah laku kesihatan.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sekitar Lembah Kelang melibatkan beberapa lokasi seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Hospital Serdang dan Hospital Putrajaya. Lokasi-lokasi ini dipilih kerana kedudukannya yang berhampiran dengan akses perkhidmatan kesihatan seperti hospital dan klinik kesihatan serta

mempunyai keupayaan, kemudahan dan kelajuan akses Internet untuk mendapatkan maklumat kesihatan kerana berada dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Sampel Kajian

Penyelidik telah mengedarkan sebanyak 400 borang kaji selidik kepada responden yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Ibu bapa.
- ii. Mencari maklumat kesihatan di Internet.
- iii. Tempat tinggal berhampiran dengan perkhidmatan kesihatan (hospital, klinik kesihatan, klinik desa dan seumpamanya).

Pengukuran Pemboleh Ubah Kajian

Dalam kajian ini, pemboleh ubah bebas adalah faktor pencarian maklumat kesihatan yang mempunyai lima faktor yang berkemungkinan mempengaruhi kadar pencarian maklumat kesihatan melalui Internet iaitu faktor teknologi, maklumat, komunikator, konteks/situasi dan matlamat. Instrumen kajian yang mengukur faktor pencarian maklumat kesihatan melalui Internet ini telah diadaptasi daripada Rucha (2009) dan Ramirez et al. (2002).

Pemboleh ubah bersandar pertama iaitu kadar pencarian maklumat kesihatan melalui Internet dianalisis berdasarkan kepada jumlah masa (jam) yang diluangkan oleh responden untuk mencari maklumat kesihatan dalam tempoh seminggu.

Seterusnya kajian ini menetapkan pemboleh ubah bersandar kedua iaitu perubahan tingkah laku kesihatan yang diamalkan atau dilakukan oleh responden setelah mereka mencari dan berkongsi maklumat kesihatan bersama keluarga. Kedua-dua pemboleh ubah perubahan tingkah laku kesihatan ini (20 item) telah diadaptasi daripada kajian Kandzari dan Howard (1981) dan Rucha (2009). Antara aspek-aspek perubahan tingkah laku yang dilihat adalah mengenai amalan pemakanan, senaman, gaya hidup dan perlindungan kesihatan.

Hasil Kajian

Tempoh Melayari Internet dalam Seminggu

Penemuan kajian ini akan dibincangkan berdasarkan (1) tempoh melayari internet dalam tempoh seminggu; (2) kadar pencarian maklumat kesihatan melalui Internet; (3) faktor-faktor yang mempengaruhi kadar pencarian maklumat kesihatan melalui Internet dan (4) perkaitan antara faktor-faktor pencarian maklumat kesihatan dengan perubahan tingkah laku kesihatan.

Jadual 1: Tempoh Melayari Internet dalam Tempoh Seminggu (n=400)

Item	Frekuensi	Peratus
Tempoh melayari Internet (jam/ minggu)		
< 30	288	68%
31 – 60	93	100%
> 60	19	19%
Purata = 24.03 jam/ minggu		

Kajian ini mendapati 72% responden melayari Internet sehingga 30 jam dalam tempoh seminggu dan sebanyak 23.2% lagi menghabiskan masa sekitar 31 sehingga 60 jam seminggu untuk melayari Internet. Hanya 4.75% responden melayari Internet dalam tempoh 61 ke 150 jam seminggu. Pengguna bukan sahaja mendapatkan akses Internet di rumah, malah di tempat-tempat lain seperti pejabat dan restoran yang menyediakan kemudahan wifi dan juga melalui telefon pintar dengan pelan data. Dapatan kajian ini menunjukkan para responden mudah mendapatkan maklumat kesihatan di mana sahaja mereka berada dan dalam tempoh masa yang diperlukan.

Kadar Pencarian Maklumat Kesihatan

Berdasarkan Jadual 2, sebanyak 69% responden menghabiskan masa kurang daripada dua jam seminggu untuk mencari maklumat kesihatan melalui Internet. Purata responden mencari maklumat kesihatan melalui Internet dalam seminggu adalah sebanyak 3.28 jam.

Jadual 2: Kadar Pencarian Maklumat Kesihatan melalui Internet dalam Tempoh Seminggu (n=400)

Item	Frekuensi	Peratus
Tempoh masa mencari maklumat kesihatan (jam/ minggu)		
Rendah (< 2jam)	276	69
Tinggi (> 2 jam)	124	31
	Min = 30 minit	
	Maks = 40 jam	
	Purata = 3.28 jam/minggu	

Faktor-faktor mempengaruhi kadar pencarian maklumat kesihatan melalui Internet

Jadual 3 memaparkan hasil analisis untuk melihat perhubungan antara kadar pencarian maklumat kesihatan dengan faktor-faktor pencarian maklumat kesihatan melalui Internet. Ujian ini dibuat bagi melihat apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada kadar pencarian maklumat kesihatan dalam kalangan ibu bapa yang mencari maklumat kesihatan melalui internet. Ujian Anova bagi analisis regresi menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan ($\alpha=0.05$) antara kedua-dua pemboleh ubah peramal dengan pemboleh ubah bersandar.

Walau bagaimanapun, tidak semua faktor tersebut menjadi peramal utama yang mempengaruhi pencarian maklumat kesihatan melalui Internet. Analisis dalam Jadual 3 menunjukkan hanya faktor maklumat (Model 1) memberi keputusan signifikan dengan nilai $F = 9.996$, $p<0.05$.

Jadual 3: Analisis Varians bagi pembolehubah Faktor Pencarian Maklumat Kesihatan melalui Internet

Model	Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig. Value
Regression	219.449	1	219.449		
Residual	8737.622	398	21.954	9.996	0.002
Total	8957.070	399			

Manakala ujian regresi pelbagai dalam Jadual 4 menunjukkan secara signifikan bahawa faktor maklumat menyumbangkan 2.2% varians ($R^2 = 0.022$) terhadap pencarian maklumat kesihatan bagi sejumlah 400 orang responden. Ini bermakna faktor maklumat ($\beta = 0.157$, $p < 0.05$) merupakan peramal utama kepada pencarian maklumat kesihatan melalui Internet.

*Jadual 4: Analisis Varians bagi pembolehubah
Faktor Pencarian Maklumat Kesihatan melalui Internet*

Model	B	Beta	T	Sig. Value
(Constant)	1.181	0.157	0.188	0.851
Faktor Maklumat	0.094	R Square	3.162	0.002
	R	0.025	Adjusted R Square	
	0.157	0.025	0.022	

Pengaruh antara faktor-faktor pencarian maklumat kesihatan melalui Internet terhadap perubahan tingkah laku kesihatan

Jadual 5 menunjukkan analisis Pearson untuk mengenal pasti perhubungan antara kelima-lima faktor pencarian maklumat kesihatan melalui Internet terhadap perubahan tingkah laku kesihatan dalam kalangan ibu bapa.

Jadual 5: Perkaitan antara Faktor-faktor Pencarian Maklumat Kesihatan melalui Internet terhadap Perubahan Tingkahlaku Kesihatan

Faktor Pencarian Maklumat Kesihatan	Perubahan Tingkahlaku Kesihatan	r
Maklumat		.283
Tujuan		.263
Komunikator		.139
Konteks/ Situasi		.237
Teknologi		.279

$p < 0.05$

Hasil analisis menunjukkan terdapat perhubungan antara kesemua faktor pencarian maklumat kesihatan terhadap perubahan tingkah laku kesihatan ($p<0.05$). Ini bermakna, faktor-faktor tersebut mempengaruhi responden untuk mengubah tingkah laku kesihatan mereka. Walau bagaimanapun, hubungan antara pemboleh ubah bebas dan bersandar adalah hubungan yang lemah.

Perbincangan Kajian

Hasil analisis mendapati terdapat perkaitan antara kadar pencarian maklumat kesihatan dengan salah satu daripada faktor pencarian maklumat kesihatan melalui Internet, iaitu faktor maklumat yang telah menyumbang 2.2% varians terhadap pencarian maklumat kesihatan bagi sejumlah 400 orang responden. Ini bermakna faktor maklumat merupakan peramal utama yang menyebabkan responden mencari maklumat kesihatan melalui Internet. Tidak dapat dinafikan walaupun maklumat kesihatan mengandungi pelbagai istilah perubatan yang sukar difahami, namun begitu terdapat banyak laman web dan blog yang menggunakan laras bahasa dan penerangan yang mudah difahami pengguna.

Tambahan pula, peningkatan penyebaran maklumat kesihatan melalui laman sosial dan *group chatting* telah banyak memudahkan responden untuk menerima maklumat dengan lebih mudah dan cepat. Namun, secara kasarnya dapat digambarkan bahawa responden tidak aktif dalam mencari maklumat kesihatan memandangkan mereka hanya meluangkan lebih kurang tiga jam seminggu untuk melakukan aktiviti tersebut. Berdasarkan Jadual 1, didapati sebanyak 13.6% daripada keseluruhan masa tersebut digunakan untuk mencari maklumat kesihatan melalui internet.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ramirez et al. (2002), faktor maklumat yang dicari melalui medium berperantara komputer seperti di Internet dikaitkan dengan kuantiti serta kualiti maklumat tersebut. Begitu juga dengan Seale (2004) yang turut menyatakan bahawa adalah penting bagi pencari maklumat memastikan kualiti maklumat yang dicari itu kerana ianya berkaitan dengan “hidup dan mati” seseorang. Walaupun Internet

menawarkan informasi-meta, pencari maklumat perlu sedar bahawa maklumat yang kurang berkualiti boleh mengancam tahap kesihatan mereka. Sekiranya mereka tidak yakin dengan kualiti maklumat yang diperolehi, mereka boleh berjumpa sendiri dengan doktor atau penyedia penjagaan kesihatan yang lain untuk mendapatkan pemahaman dan pengesahan maklumat yang diperolehi. Daripada hasil analisis ini menggambarkan responden menitikberatkan kualiti maklumat yang diperolehi sebelum membuat keputusan berkenaan kesihatan mereka dan keluarga.

Terdapat juga alternatif lain yang boleh membantu ibu bapa untuk mendapatkan maklumat secara spesifik. Antaranya, media sosial seperti *Facebook* atau *Twitter* yang memberi peluang pesakit bertanyakan terus permasalahan mereka secara terperinci kepada doktor atau pengamal perubatan yang lain. Selain daripada itu, adanya blog pengamal perubatan juga menjadi platform yang sesuai untuk mendapatkan maklumat secara interaktif di antara pesakit dengan pengamal perubatan. Ada masanya pesakit akan membawa maklumat yang mereka perolehi melalui Internet sewaktu mereka berjumpa dengan doktor atau penyedia penjagaan kesihatan yang lain dan berbincang bersama mereka (Davidson et al., 2002). Oleh itu, pencari maklumat tidak perlu khuatir akan kualiti maklumat kesihatan yang diperolehi daripada interaksi tersebut.

Namun begitu, pengguna akan mengalami masalah kebanjiran maklumat sekiranya proses pencarian maklumat tidak dilakukan dengan betul. Memandangkan jumlah maklumat yang terlalu banyak, ia boleh mendorong kekeliruan kepada pengguna untuk memastikan kesahihan maklumat yang diperolehi serta sama ada maklumat tersebut sesuai dengan demografi atau keadaan pengguna. Sebagai contoh, seorang wanita hamil yang mempunyai simptom-simptom tertentu yang lazimnya tidak dialami oleh wanita hamil yang lain. Proses pencarian maklumat akan bermasalah kerana pengguna tidak dapat memastikan maklumat yang diperolehi benar-benar menjawab persoalannya.

Selain itu, Ramirez et al. (2002) turut menyatakan bahawa faktor seseorang itu mencari maklumat bukan hanya dipengaruhi oleh satu faktor sahaja. Ia mungkin melibatkan beberapa faktor serentak,

yang membolehkan seseorang itu mencari maklumat dengan lebih berkesan. Sebagai contoh, walaupun individu tersebut memiliki kemahiran menggunakan internet yang baik (faktor komunikator), namun disebabkan kekangan masa (faktor konteks/ situasi) ataupun ketiadaan akses internet (faktor teknologi) akan menghalang individu tersebut mendapatkan maklumat yang diperlukan. Secara tidak langsung ianya menjelaskan niat dan tingkah laku individu tersebut untuk berubah. Hal ini menjelaskan mengapa hasil kajian mendapati kesemua faktor yang dikaji mempengaruhi perubahan tingkah laku pengguna internet.

Hasil kajian ini turut disokong oleh Rice (2006) yang mendapati 91% daripada individu yang menggunakan Internet sebagai sumber maklumat menyatakan bahawa mereka banyak mempelajari perkara-perkara baru mengenai kesihatan dan turut memperbaiki tahap kesihatan serta meningkatkan tahap pengetahuan mengenai kesihatan. Secara khususnya selepas mencari maklumat kesihatan di Internet mereka mula membuat rawatan kesihatan yang betul, sentiasa bertanya soalan-soalan baru kepada penyedia kesihatan, mengubah pandangan mereka terhadap diet, senaman dan tekanan serta mengubah cara mereka menguruskan penyakit-penyakit kritikal (Rice, 2006).

Kajian ini membuktikan Internet adalah medium yang sangat penting sebagai sumber maklumat kesihatan kepada masyarakat. Ia bukan hanya mampu menyebarkan maklumat kesihatan, namun pada suatu tahap ia boleh mengubah tingkah laku kesihatan. Oleh kerana itu, organisasi-organisasi berkaitan kesihatan dan kekeluargaan perlu memaksimumkan penyaluran maklumat kesihatan melalui medium tersebut.

Selain daripada itu, para penyedia kesihatan profesional juga boleh menjadikan internet sebagai medium untuk mempromosi program-program pencegahan dan perlindungan kesihatan dengan menyediakan maklumat seperti kepentingan mencegah penyakit dari awal, pemeriksaan kesihatan dan sebagainya menggunakan media sosial agar penyebaran maklumat dapat berlaku dengan lebih pantas disamping kos yang lebih minimum. Namun begitu, maklumat kesihatan yang disalur dan dikongsi melalui internet perlulah tepat, sahih dan tidak mengelirukan kerana faktor penyumbang responden mencari maklumat kesihatan adalah

disebabkan kandungannya dan perkara ini yang boleh mengubah amalan gaya hidup sihat oleh pengguna Internet.

Cadangan Kajian Akan Datang

Kajian pada masa akan datang boleh dijalankan kepada responden atau ahli keluarga responden yang memiliki latar belakang penyakit kritikal. Pengkaji boleh mengenal pasti sumber-sumber utama yang menjadi medium mendapatkan maklumat kesihatan serta faktor-faktor penggunaan medium tersebut. Selain itu, kadar perkongsian maklumat kesihatan juga perlu dikaji untuk melihat kelaziman ahli keluarga tersebut berkongsi maklumat kesihatan sama ada bersama ahli keluarganya sahaja, rakan-rakan, doktor atau ahli keluarga lain yang mempunyai masalah kesihatan yang sama.

Kesimpulan

Model Pencarian Maklumat melalui Komunikasi Berperantara Komputer oleh Ramirez et al. (2002) mencadangkan lima faktor yang mempengaruhi pencarian maklumat melalui perantara komputer, namun kajian ini mendapati hanya faktor maklumat yang mempunyai kaitan dengan pencarian kadar maklumat kesihatan melalui perantara internet. Kajian ini juga penting bagi penyedia maklumat kesihatan untuk menyediakan maklumat kesihatan yang tepat, sahih dan tidak mengelirukan kerana faktor penyumbang responden mencari maklumat kesihatan adalah disebabkan oleh kandungannya dan ianya boleh mengubah amalan gaya hidup sihat oleh pengguna Internet.

Rujukan

- Al-Shammary, N., Awan, S., Butt, K., & Yoo, J. (2007). Internet use before consultation with a health professional. *Primary Health Care*, 17 (10): 18-21.
- Banarjee, I. & Hsi-Shi Leong, C. (2006). Internet in the war against HIV/AIDS in Asia. Dalam Murero, M. & Rice, R.E. (Eds.), *The Internet and health care: Theory, research and practice*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.

- Davidson, B.J., Gleave, M.E., Goldenberg, S.L., Degner, L.F., Hoffat, D., & Berkowitz, J. (2002). Assessing information and decision preferences for men with prostate cancer and their partners. *Cancer Nursing*, 25 (1), 42-49.
- Delic, D., Polasek, O., & Kem, J. (2006). Internet health-information seeking in Croatia- who, what and why? *Medical Informatics and the Internet Medicine*. 31 (4), 267-273.
- Dolan, G., Iredele, R., William, R., & Ameen, J.R.M.(2004). Consumer use of Internet for health information: a survey of primary care patients. *International Journal of Consumer Studies*, 28(2), 147-153.
- Eastin, M.S. & LaRose, R. (2000). Internet self-efficacy and the psychology of the digital divide. *Journal of Computer-Mediated Communication*. 6(1).
- Fox, S., & Rainie, L. (2000). The online health care revolution. Dicapai pada 13 Oktober 2015 daripada <http://www.pewinternet.org/2000/11/26/the-online-health-care-revolution>
- Goldner, M(2006). Using the Internet and email for health purposes: The impact of health status. *Social Science Quarterly*. 87(3), 690-710.
- Kandzari, J.H., Howard, A.R. (1981). *The well family: A developmental approach to assessment*. Boston: Little Brown.
- Leung, L. (2008). Internet embeddedness: links with online health information seeking, expectancy value/ quality of health information websites, and Internet usage patterns. *Cyberpsychol Behav*, 11(5), 565 – 569. doi: 10.1089/cpb.2007.0189.
- Madden, M., & Fox,S. (2006). Riding the Waves of “Web 2.0”. Pew Research Center. Dicapai pada 12 Mei 2012 daripada <http://www.pewinternet.org>.
- Manaf, E., & Wong, S. (2012).Exploring older adults' health information seeking behaviors. *Journal of Nutrition Education and Behavior*, 44, 85–89.
- Morahan, M. (2004). How Internet users find, evaluate, and use online health information: a cross-cultural review. *Cyberpsychology Behavior*. 7(5), 497-510.
- Muhamad, M., Afshari, M., & Mohamed, N. A. (2011). Internet use and breast cancer survivors. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 10(4): 241-247.
- Napoli, P.M. (2001). Consumer use of medical information from electronic and paper media: Literature review. Dalam R.E. Rice & J.E. Katz (Eds.), *The Internet and health communication: Experience and expectations* (hlm. 79-98). Thousand Oaks, CA: Sage.

- Ramirez, A., Walther, J.P., Burgoon, J.K., & Sunnafrank, M. (2002). Information-seeking strategies, uncertainty, and computer-mediated communication toward a conceptual model. *Human Communication Research*, 28, 213-228.
- Rucha, K. (2009). *Patterns of access and use of online health information among Internet users: A case study* (Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan): Graduate College of Bowling Green State University.
- Scherer,C., & Juanillo, N. (2003). The continuing challenge of communicating health risk management and communication. Dalam *Handbook of Health Communication*, Teresa, L., et al. (Eds.), London: Lawrence Erlbaum Association.
- Seale, C. (2004). *Researching society and culture*. London: SAGE Publication.
- Stewart, D.E., Abbey, S.E., Shnek, Z.M., Irvine, J., & Grace (2004). Gender differences in health information needs and decisional preferences in patients recovering from an acute ischemic coronary event. *Psychosom Medical*. 66(1). 42-48
- Tang, E., & Lee, W. (2006). Singapore internet users' health information search: Motivation, perception of information sources, and self-efficacy. Dalam Murero, M. & Rice, R.E. (Eds.), *The Internet and health care: Theory, research and practice* (hlm. 357-373). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Wright, L.M., & Leahey, M. (2000). *Nurses and families: A guide to family assessment and intervention*. Philadelphia: E.A.Davis Company.